



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NILAI INTEGRITI DALAM MASYARAKAT MELAYU MELALUI GURINDAM DUA BELAS

BADRUL HISHAM BIN GHAZALI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**NILAI INTEGRITI DALAM MASYARAKAT
MELAYU MELALUI GURINDAM
DUA BELAS**

BADRUL HISHAM BIN GHAZALI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
KESUSASTERAAN MELAYU**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

16.05.2011

BADRUL HISHAM BIN GHAZALI
M20071000124



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ii
ptbupsi



PENGHARGAAN

Memanjat rasa syukur kehadrat Allah SWT akhirnya, insan kerdil disisi-Nya dapat jua menyudahkan kajian ini, yang diharap dapat memberi manfaat kepada sesama insan kearah mendapat keredhaan-Nya. Walau selewat dan sesukar mana penyelidik cuba menyudahkan penyelidikan ini dengan segala ujian dan dugaan yang diterima, sebenarnya lebih mematangkan penyelidik dalam mempergunakan daya akal yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT mendepani segala yang berlaku penuh tabah, sabar dan yakin melakukan yang terbaik. Pengalaman itulah menjadi rencah kehidupan yang terbaik mendewasakan kehidupan.

Jutaan penghargaan dengan kalungan ucapan terima kasih yang tidak terhingga, kepada mereka yang menjadi pebimbang dan perangsang kepada penyelidik untuk menyudahkan penyelidikan ini. Walaupun penyelidik tidak dapat menyenaraikan kesemuanya, namun percayalah dengan penuh keikhlasan dan ketulusan, penyelidik amat menghargai setiap sumbangan kalian secara langsung atau tidak. Hanya Allah SWT dapat membalias segalanya.

Setinggi-tinggi penghargaan tidak terhingga kepada Profesor Madya Dato' Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin selaku penyelia penyelidikan disertasi ini, yang banyak memberi ruang serta semangat dan kepercayaan menyudahkan penyelidikan ini. Buat keluarga penyelidik yang banyak memahami diri penyelidik, menguatkan semangat meneruskan perjuangan, khasnya isteri isteri Ernie Mastura Bt Abd Rani, anak-anak yang dikasih Amir Hamzah, Nurul Aisyah, Nuraini Athirah, Nurin Adibah dan Adib Talhah. Hanya ini yang dapat penyelidik persembahkan tanda rasa cinta dan kasih penuh tulus menuju keredhaan-Nya. Kepada ayahnya Hj.Ghazali Mat Desa dan arwah bonda Aishah Hj Hashim pastinya jasa kalian tiada terbalas. Begitu juga pada sahabat-sahabat yang sentiasa memberi pertolongan ketika penyelidik memerlukan. Ucapan terima kasih hanya mampu penyelidik lafazkan dari lubuk sanubari jiwa penyelidik.

Sesungguhnya penyelidik mengharapkan dengan usaha penyelidik yang tak seberapa ini dalam menyiapkan penyelidikan disertasi ini memberi impak dalam kehidupan kita sepanjang perjalanan menuju destinasi yang abadi. Insyallah.

BADRUL HISHAM BIN GHAZALI

(Matang di Bumi Larut)

Sg.Mati,Matang,Taiping,Perak.





ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan kepada Nilai Integriti Dalam Masyarakat Melayu Melalui Gurindam Dua Belas yang tergolong dalam Puisi Melayu Tradisional. Menerusi kajian ini, pengkaji cuba melihat nilai-nilai murni yang diterapkan di dalam karya agung ini serta melihat nilai integriti daripada penerapan nilai-nilai tersebut. Kajian ini membahagikan Gurindam Dua Belas kepada enam amanat yang ingin disampaikan oleh pengarang supaya menjadi panduan dan ikutan kepada masyarakat. Melalui kajian ini dapat mencungkil apa yang tersirat di sebalik gurindam tersebut. Enam amanat tersebut merangkumi yang pertama, melalui fasal pertama dan kedua beragama dan beribadat. Kedua memelihara anggota hati daripada melakukan kejahanatan dalam fasal ketiga dan keempat. Seterusnya amanat ketiga berbudi bahasa dan berperangai mulia melalui fasal kelima dan keenam. Manakala amanat keempat memelihara diri daripada perbuatan yang boleh mendatangkan akibat yang tidak baik melalui fasal ketujuh dan kelapan. Amanat kelima tentang hormat, bertimbangrasa dan membuat jasa melalui fasal kesembilan dan kesepuluh. Amanat keenam taat setia dan tanggungjawab antara raja dan rakyat seperti dalam fasal kesebelas dan keduabelas.

Kajian ini merangkumi kepentingan integriti dalam masyarakat Melayu kerana tanpa integriti kepincangan dalam masyarakat Melayu akan berlaku dengan mengetengahkan ilmu mengurus diri dan ilmu mengurus sistem yang terdapat dalam gurindam yang mempunyai dua belas fasal ini di mana setiap fasal diklasifikasikan dengan tajuk menerusi fasal pertama hingga kedua belas iaitu, jadilah orang terbaik, menunaikan janji, amal kebaikan, menjaga kehormatan, merendah diri, mengutamakan orang lain, baik kata-kata, mendamaikan manusia, meninggalkan perkara tidak berfaedah, mengawal marah, baik tingkah laku dan adil. Seterusnya fasal tersebut dapat di kelompokkan kepada 12S iaitu soleh, seru, saring, sopan, sanjung, saran, santun, sejahtera, sahih, sayang, selamat dan sempurna. Ini amat bertepatan dengan nilai-nilai integriti yang harus ada pada individu dan masyarakat. Integriti juga di lihat melalui sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Nilai Integriti Dalam Masyarakat Melayu Melalui Gurindam Dua Belas, dilihat melalui penggunaan teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L yang telah diasaskan oleh Mohd Yusof Hasan dengan menerapkan kaedah 4 jenis pemikiran secara saintifik iaitu Pemikiran Luhur tentang kerohanian dan keagamaan seperti yang terdapat dalam amanat pertama dan kedua dalam Gurindam Dua Belas. Manakala Pemikiran Lahir tentang kebitaraan dan akal fikiran seperti dalam amanat ketiga dan keempat. Pemikiran Logik tentang kerasionalan dan saintifik seperti dalam amanat kelima dan terakhir, Pemikiran Lateral tentang kemanusiaan dan kreatif dalam amanat keenam gurindam tersebut.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRACTS

The study focuses on the value of integrity in the Malay community through Gurindam Duabelas (Twelfth Gurindam) that fall within the traditional Malay poetry. Through this study, researchers tried to see the values applied in this masterpiece and see the integrity of the application of these values. This study is divided into six Gurindam Duabelas mandates presented by the authors. Through this research, it is hoped to discover what is behind these Gurindam. This research is comprised six mandates. In the first mandate, the first and second clause of religion and worship. Both preserve the heart from the sins in the third and fourth clauses. In the third mandate in discuss about behaving courteously of the fifth and sixth clauses. While the fourth mandate of keeping away from acts that could have bad consequences in the seventh and eighth clauses. Fifth mandate comprise of respect, understanding and a service through the ninth and tenth clauses. Furthermore, the sixth mandate is focusing on loyalty and responsibility between the king and the people like in the eleventh and twelfth clauses.

This study also covers the importance of integrity in the Malay community because without integrity malfunction in life will occur. This is by highlighting personal knowledge management and knowledge management systems in the twelve Gurindam. Each clause is classified under the title through to the first clause of the twelfth, be the best, delivers, works good, honorable, humble , giving priority to other people, good words,^{to reconcile people, leaving the matter is not beneficial, controlling anger, both} the conduct and fairness. There are clauses that can be grouped into 12S, which is good, exciting, strained, polite, cherish, advice, courteous, harmonious, authentic, caring, safe and perfect. This is consistent with the values of integrity which is a must to every individual and society. Integrity is also seeing through the physical, emotional, spiritual and intellectual.

The integrity values in the Twelve Gurindam is seen through the use of theoretical thought Integrated Systems 4L which was founded by Mohd Yusof Hassan to implement four types of methods of scientific thinking. Luhur thinking is about spirituality and religion as found in the first and second mandate in Twelve Gurindam. While wisdom and common sense as the third and fourth mandate. Rationality and scientific logic as in the fifth and final mandate. Lateral Thinking which discussing creative thinking and humanity is in the sixth mandate.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

V
ptbupsi



KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi

BAB 1. PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Kaedah Kajian	13
1.6 Bidang Kajian	15
1.7 Kajian Lepas	18
1.7.1 Kajian Lepas Peringkat Doktor Falsafah	19
1.7.2 Peringkat Sarjana	20
1.7.3 Buku Ilmiah, Esei dan Lain-Lain	21
1.8 Kesimpulan	22

BAB 2. TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	24
2.2 Definisi Konsep Integriti	27
2.3 Puisi Melayu Tradisional	29
2.4 Gurindam Dua belas	38
2.5 Nilai-Nilai Integriti Dalam Gurindam Dua Belas	42
2.6 Kesimpulan	44

BAB 3. METODOLOGI

3.1 Pengenalan	47
3.2 Pemikiran Luhur	50
3.3 Pemikiran Lahir	54
3.4 Pemikiran Logik	58





3.5 Pemikiran Lateral	61
3.6 Perubahan Integriti Melalui Gurindam Dua Belas	65
3.7 Kesimpulan	67

BAB 4. NILAI INTEGRITI DALAM MASYARAKAT MELALUI GURINDAM DUA BELAS

4.1 Pengenalan	75
4.1.1 Enam Amanat Dalam Gurindam Dua Belas	79
4.2 Beragama dan Beribadat	79
4.2.1 Integriti Dalam Beragama dan beribadat	83
4.3 Memelihara Anggota dan Hati Daripada Melakukan Kejahanatan	85
4.3.1 Integriti Memelihara Anggota dan Hati Daripada Melakukan Kejahanatan	88
4.4 Berbudi Bahasa dan Berperangai Mulia	91
4.4.1 Integriti Dalam Berbudi Bahasa dan Berperangai Mulia	93
4.5 Memelihara Diri Daripada Perbuatan Yang Boleh Mendatangkan Akibat Yang Tidak Baik	95
4.5.1 Integriti Memelihara Diri Daripada Perbuatan Yang Boleh Mendatangkan Akibat Yang Tidak Baik	99
4.6 Hormat, Bertimbangrasa dan Membuat Jasa	102
4.6.1 Integriti Dalam Hormat, Bertimbangrasa dan Membuat Jasa	104
4.7 Taat Setia dan Tanggung Jawab Antara Raja dan Rakyat	106
4.7.1 Integriti Dalam Taat Setia dan Tanggung Jawab Antara Raja dan Rakyat	110
4.8 Nilai-Nilai Murni Masyarakat Melayu Dalam Gurindam Dua Belas	112
4.8.1 Amanah	113
4.8.2 Tanggungjawab	113
4.8.3 Ikhlas	113
4.8.4 Benar	114





4.8.5 Sederhana	115
4.8.6 Tekun	115
4.8.7 Bersih	116
4.8.8 Berdisplin	116
4.8.9 Bekerjasama	117
4.8.10 Berperibadi Mulia	117
4.8.11 Bersyukur	118
4.8.12 Bermuafakat	118
4.8.13 Bertoleransi	119
4.8.14 Bertimbangrasa	120
4.8.15 Bersatupadu	120
4.8.16 Beretika	121
4.8.17 Tidak Mementingkan Diri Sendiri	121
4.8.18 Tiada perasaan Curiga	122
4.9 Etika Masyarakat Melayu Dalam Gurindam Dua Belas	122
4.10 Kesimpulan	124

BAB 5. MELESTARIKAN NILAI INTEGRITI DALAM MASYARAKAT MELALUI GURINDAM DUA BELAS



5.1 Pengenalan	126
5.2 Nilai Integriti	130
5.2.1 Nilai Integriti Jasmani	135
5.2.2 Nilai Integriti Emosi	144
5.2.3 Nilai Integriti Rohani	153
5.2.4 Nilai Integriti Intelek	163
5.3 Melestari Nilai Integriti Dalam Kekeluargaan	172
5.4 Melestari Nilai Integriti Dalam Masyarakat	174
5.5 Kepimpinan Integriti Masyarakat Melayu	177
5.5.1 Integriti Menghormati Orang Lain	178
5.5.2 Berintegriti Berkhidmat Untuk Orang Lain	178
5.5.3 Berintegriti Berlaku Adil	179
5.5.4 Berintegriti Berlaku Jujur	179
5.5.5 Berintegriti Membina Masyarakat	179
5.6 Budaya Masyarakat Melayu dan Peranan Kepimpinan Berintegriti	180





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

5.7 Kesimpulan	183
----------------	-----

BAB 6. RUMUSAN

6.1 Pengenalan	188
----------------	-----

6.2 Masalah	189
-------------	-----

6.3 Penyelesaian	192
------------------	-----

6.3.1 Meletak Agama Islam Sebagai Panduan	193
-------------------------------------------	-----

6.3.2 Kepimpinan Yang Berteraskan Keadilan	194
--------------------------------------------	-----

6.3.3 Rasa Tanggungjawab Dalam Masyarakat	194
-------------------------------------------	-----

6.3.4 Naluri Pencarian Ilmu dan Kekayaan	195
------------------------------------------	-----

6.3.5 Cenderung Kepada Kesusastraan Melayu	195
--------------------------------------------	-----

6.3.6 Membuktikan Kewibawaan	196
------------------------------	-----

6.3.7 Memupuk Semangat Persaudaraan	197
-------------------------------------	-----

6.4 Saranan	197
-------------	-----

6.5 Gurindam Dua Belas Komunikasi Masyarakat Melayu	201
--------------------------------------------------------	-----

6.6 Kesimpulan	205
----------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

RUJUKAN	210
---------	-----

LAMPIRAN	
----------	--



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
3.1 Kerangka Kajian Nilai Integriti Dalam Masyarakat Melalui Gurindam Dua Belas	49
3.2 Nilai Integriti Pemikiran Luhur	53
3.3 Nilai Integriti Pemikiran Lahir	57
3.4 Nilai Integriti Pemikiran Logik	60
3.5 Nilai Integriti Pemikiran Lateral	64
3.6 Fasal Gurindam Dua Belas (12 S)	72
4.1 Enam Amanat Dalam Gurindam Dua Belas	78
4.2 Gurindam Dua Belas Pemikiran Luhur	90
4.3 Gurindam Dua Belas Pemikiran Lahir	101
4.4 Gurindam Dua Belas Pemikiran Logik	105
4.5 Gurindam Dua Belas Pemikiran Lateral	111
5.1 Nilai Integriti Gurindam Dua Belas	129
5.2 Nilai Integriti Jasmani Gurindam Dua Belas	134
5.3 Nilai Integriti Emosi Gurindam Dua Belas	143
5.4 Nilai Integriti Rohani Gurindam Dua Belas	152
5.5 Nilai Integriti Intelek Gurindam Dua Belas	162



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Gurindam Dua Belas merupakan karya tersohor Raja Ali Haji yang tergolong dalam Puisi Melayu Tradisional, ditulis di Pulau Penyengat, Riau pada tarikh 23 Rejab 1263 Hijrah atau 1847 Masehi dalam usia 38 tahun. Karya ini terdiri atas dua belas fasal dan bersifat didaktik kerana berisikan nasihat dan petunjuk menuju hidup yang direhdai Allah SWT. Kandungan bait-bait ayat dalam Gurindam Dua Belas mengambarkan kehidupan masyarakat Melayu yang sarat dengan pengajaran dan nilai integriti yang bertujuan mendidik masyarakat dengan nilai-nilai murni sepanjang zaman. Sehubungan itu, gurindam ini terpancar kehidupan masyarakat Melayu terdahulu, di mana pengarang cuba membuat alihan pemikiran masyarakat agar tidak terlalu jumud mewarisi budaya sehingga tidak dapat membezakan yang selari dengan syariat. Pengarang Gurindam Dua



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

1
ptbupsi



Belas dengan kefahaman tasawuf yang dimiliki mengajak masyarakat meletakkan asas pegangan agama yang kukuh dalam kehidupan. Pelajaran dasar ilmu tasawuf tentang mengenal yang empat iaitu syariat, tarikat, hakikat dan makrifat. Oleh itu, pengajaran dan nilai integriti yang merangkumi kehidupan diinterpretasikan melalui Gurindam Dua Belas fasal, “ yang tak lapuk dek hujan, dan tak lekang dek panas” menjadi pedoman sepanjang zaman.

Warisan Gurindam Dua Belas merupakan Puisi Tradisional, warisan Melayu yang disampaikan secara berhemah dengan penuh kesantunan budi masyarakat Melayu, dalam menegur atau menyampaikan sesuatu yang tersirat. Menghayati di sebalik keindahan bait kata-katanya yang begitu indah sekali, memungkinkan masyarakat yang mendengar pasti terhibur dan tersedar, di sebalik sindiran membina. Namun begitu tidak dapat dinafikan dalam perkembangan Puisi Melayu Tradisional, yang disampaikan secara lisan atau bertulis telah berkembang dalam tradisi lisan Melayu. Puisi Melayu Tradisional mempunyai bentuknya yang tersendiri dan amat berlainan mengikut genrengnya yang tersendiri. Hakikatnya Gurindam Dua Belas ini mempunyai kekuatannya yang tersendiri dalam membentuk kehidupan yang meliputi individu dan institusi iaitu keluarga, komuniti atau sesebuah organisasi untuk ketika itu dan masa hadapan.

Manakala istilah Puisi Melayu Tradisional, merupakan teknik kepada beberapa bentuk puisi samada bersifat kolektif dan fungsional dan ada di antaranya tercipta oleh pengarang yang tidak bernama dan digunakan dalam kehidupan masyarakat (Harun Mat





Piah, 1997 : 5). Bentuknya yang terikat oleh ciri-ciri tertentu memberikan bentuk dan struktur kepada puisi tersebut menjadikan sebuah genre berbeza daripada genre yang lain.

Gurindam Dua Belas merupakan puisi tradisional yang digunakan untuk tujuan pendidikan mempunyai pengajaran dan nilai integriti yang tersirat dan amat pragmatik serta ada elemen hiburan, selain merupakan gambaran masyarakat yang memancarkan kreativiti dan estetika serta daya intelektual masyarakat Melayu lama dalam menjalani kehidupan mereka. Selain itu puisi tersebut dilihat dari sudut pengajaran dan nilai integriti berupaya membimbing masyarakat dari kepelbagaian sudut kehidupan. Misalnya beragama menjadi pegangan, integriti dan tingkah laku, kenapa perlu berintegriti, integriti hati, akibat tidak berintegriti, balasan yang diterima jika tidak berintegriti dan bagaimana mencapai integriti. Ini amat bertepatan dalam memberi pengajaran integriti kepada masyarakat dengan menghayati Gurindam Dua Belas tersebut.

Gurindam Dua Belas yang sarat dengan pengajaran dapat disampaikan serta dipraktiskan dalam kehidupan masyarakat. Adanya sifat mulia ini, keluarga, bangsa dan masyarakat dapat hidup dalam harmoni, aman dan tolong-menolong walaupun berlainan bangsa dan agama. Orang yang memiliki ilmu akan menunjukkan tingkah laku dan sikap yang terbaik malah ada kalanya akan menjadi contoh kepada individu lain untuk mencapai kejayaan.

1.2 Pernyataan Masalah





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Nilai integriti amat penting dalam menjaga keharmonian hidup bermasyarakat. Masyarakat yang harmoni dengan amalan nilai integriti dapat melahirkan satu bangsa Malaysia yang dapat memenuhi kehendak prinsip -prinsip Rukun Negara.

Kepercayaan kepada Tuhan

Kesetian kepada Raja dan Negara

Keluhuran Perlembagaan

Kedaulatan Undang-Undang

Kesopanan dan Kesusilaan

(Rukun Negara)

Kehidupan yang kian mencabar ini mengakibatkan dalam kalangan masyarakat telah berlaku amalan hidup yang kasar, yang tidak mengendahkan tatasusila dan beradab. Dalam usaha kerajaan menekankan soal-soal integriti dalam kehidupan masyarakat, gerakan pemantapan integriti ini memberi tumpuan kepada peningkatan nilai integriti daripada peringkat akar umbi hingga keperingkat atas yang bersifat menyeluruh, kajian ini difikirkan perlu bagi melihat usaha-usaha murni ini yang telah cuba disampaikan melalui puisi tradisional khususnya Gurindam Dua Belas sejak dahulu lagi.

Kajian ini juga mahu melihat kepentingan Gurindam Dua Belas sebagai satu warisan yang harus dipertahankan kerana mempunyai nilai pengajaran dan pengurusan integriti yang cukup tinggi. Bila pembacaan dilakukan dan dihayati maka terserlahlah apa yang tersirat didalamnya secara tidak langsung, pembaca dapat mengutip nilai pengurusan integriti yang terkandung. Contohnya dengan cara tersebut masyarakat dapat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



memperolehi kemahiran yang sedemikian dan warisan bangsa ini dapat dipertahankan dan diperkembangkan lagi. Keindahan yang terdapat dalam gurindam ini diharap dapat membina kehalusan budi serta sikap masyarakat. Persoalannya masyarakat mula menyisihkan diri mereka dari Puisi Melayu Tradisional. Seterusnya kajian ini juga mahu mengenal pasti kelemahan dalam menarik minat masyarakat dan usaha yang dilakukan agar mesej tersirat yang terkandung di dalamnya dapat disampaikan secara berkesan. Keberkesanan nilai intergriti yang terkandung dalam Gurindam Dua Belas ini seharusnya diasimilasikan dalam kehidupan masyarakat kini dan usaha mengetengahkan proses tersebut sejajar dengan memenuhi cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu,

“ membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.”

(Pelan Integriti Nasional, 2006:V11)

Nilai integriti yang diketengahkan membuatkan masyarakat beralih arah kepada sesuatu yang lebih ringan bagi pemikiran mereka, kerana telah terdedah dengan bahan-bahan teknologi moden, yang lebih berkonsepkan hiburan yang membuatkan masyarakat menyisih Puisi Melayu Tradisional.

Kajian ini berusaha untuk membuat penyelidikan tentang Gurindam Dua Belas yang sarat dengan nilai integriti untuk diketengahkan dalam masyarakat. Penyelidikan ini diharap agar dapat memberi kesedaran tentang kepentingan Gurindam Dua Belas dalam





membentuk masyarakat berfikiran diluar kotak, atau anjakan paradigma yang telah cuba disampaikan sejak dahulu lagi oleh pengarang melalui pemikiran pengarang yang boleh dikatakan telah melangkaui zamannya. Merosotnya amalan gotong-royong dan kecenderungan menolong orang lain dalam kesusahan. Hilangnya amalan hormat menghormati kepada guru, ibu bapa, pemimpin, ketua dan orang tua-tua. Trend atau kecenderungan mengambil hak orang lain, tidak suka senyum bila bertegur sapa, tiada ungkapan terima kasih atau berasa syukur apabila memperolehi sesuatu yang baik. Kurang mementingkan budaya kebersihan serta tidak menepati masa.

Integriti sangat penting dalam masyarakat, kerana tanpa integriti kepincangan dalam masyarakat akan berlaku, Terjadilah perbuatan dibenci dan dikeji. Mereka yang berintegriti akan di sanjung dan disenangi dalam masyarakat, kerana pengalaman berurusan dengan mereka yang berintegriti, kita akan dapat melihat tahap integriti individu atau masyarakat tersebut. Contoh tidak berintegriti dalam sesebuah masyarakat apabila berlakunya ahlinya tidak bersatu, bersifat individualistik, hasad dengki, tidak bekerjasama serta mengambil sikap bermusuhan antara satu sama lain. Berlaku penderaan kanak-kanak, isteri atau suami, perlakuan sumbang, curang, tidak jujur dan peningkatan kadar jenayah serta masalah disiplin turut menyumbang kepada kepincangan masyarakat yang tidak berintegriti. Semua ini dapat di lihat melalui Gurindam Dua Belas.

Kesesuaian sepanjang zaman, Gurindam Dua Belas terlihat apabila terdapat dalam pemikiran pengarang tentang gejala sosial remaja diperkatakan dalam fasal-fasal tertentu yang terdapat dalam gurindam ini. Masalah pembuangan bayi yang berleluasa dewasa ini,





pergaulan bebas lelaki dan perempuan, perlakuan seks bebas, bersekedudukan hingga lahir anak luar nikah sebenarnya telah diberi gambaran dalam gurindam ini, di mana kelalaian ibubapa mendidik anak akan menerima padah kemudiannya. Maka di sinilah akan terlihat akan nilai integriti yang harus diberi penekanan dalam kehidupan berkeluarga dalam melahirkan masyarakat Melayu yang berintegriti tinggi bertepatan dengan syariat.

Dari sudut pekerjaan berlaku tingkah laku yang boleh menyakitkan hati sesetengah pihak seperti menyeleweng serta salah guna kuasa, tidak dapat menepati masa, sikap curi tulang yang turut di rungkai melalui Gurindam Dua Belas. Sesetengah perlakuan yang tidak berintegriti ini bukan hanya membahayakan diri sendiri tetapi turut membahayakan orang lain dan keseluruhan masyarakat itu sendiri. Rasa tidak bertanggung jawab yang menular dalam diri adalah kurangnya integriti yang menebal dalam diri kerana imej integriti yang terpancar mencerminkan imej bangsa, agama dan negara bagi sebuah masyarakat yang harmoni. Memantap dan mencapai integriti adalah dengan menyedari bahawa pegangan agama yang kukuh adalah landasan yang baik disamping sentiasa berusaha menambah ilmu dalam pelbagai bidang. Bersihlah hati dari sifat riak dan menunjuk-nunjuk sebaliknya lakukan dengan penuh keikhlasan yang menampilkan nilai integriti yang tinggi pasti akan mendapat keredhaan Tuhan.

Kejayaan sesuatu bangsa dan negara dapat dibuktikan dengan ketinggian ilmu sperti yang telah dirintis oleh ilmuwan Islam dalam pelbagai bidang yang dapat memberi manfaat hingga ke hari ini. Maka jelaslah masyarakat Melayu harus mempunyai





ketrampilan yang tersendiri melalui nilai integriti seperti yang ditekankan melalui Gurindam Dua Belas yang sarat dengan tunjuk ajar kehidupan bersyariat seperti dituntut oleh agama Islam. Pelembagaan negara jelas menyatakan bahawa masyarakat Melayu itu beragama Islam maka bertepatanlah dengan integriti yang dapat menjadikan masyarakat Melayu sebagai bangsa yang berjaya tanpa melanggari syariat.

1.3 Persoalan Kajian

Melalui pengkajian Gurindam Dua Belas ini persoalan kajian adalah melihat bagaimana amanat yang terkandung dalam gurindam ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Amanat yang diperturunkan ini bukanlah sesuatu yang baru sebenarnya tetapi telah menjadi amalan dalam masyarakat dahulu lagi. Perlanggaran aturan yang telah ditetapkan berlandaskan syariat telah menjadikan masyarakat Melayu tergelincir daripada tata tertib kehidupan yang telah digariskan. Kesopanan dalam masyarakat Melayu dalam mendidik sebenarnya merupakan tunjang kepada kesempurnaan kehidupan masyarakat Melayu yang tidak dapat dipisahkan.

Seterusnya persoalan kajian melihat bagaimana amanat tersebut harus dipertahankan dalam mendepani kehidupan mendatang yang penuh dengan pancaroba. Kesesuaian sepanjang zaman amanat dalam Gurindam Dua Belas ini dalam melahirkan nilai integriti masyarakat Melayu yang tinggi memberi bimbingan kepada sifat dan sikap masyarakat Melayu. Hanya mempunyai nilai integriti sahaja dapat menjadikan masyarakat Melayu sebagai bangsa yang berjaya bukan sahaja di dunia malah di akhirat kelak.





Persoalan kajian seterusnya haruslah melihat Gurindam Dua Belas ini adalah sesuatu warisan yang tidak ternilai yang telah ditinggalkan dalam masyarakat Melayu agar ianya dapat menjadi pedoman berterusan. Penghayatan ini bagi memastikan generasi akan datang tidak terus kehilangan arah dan melupakan khazanah peringatan yang ada dalam masyarakat Melayu selama ini. Landasan syariat yang mendasari karya agung ini menepati matlamat kehidupan mendapatkan keredhaan Allah agar masyarakat tidak terus tersesat jauh terutama generasi muda yang terdedah dengan gejala negatif.

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji amat penting, dalam mengenal pasti nilai integriti yang diketengahkan dalam Gurindam Dua Belas sebagai satu saluran yang mendidik masyarakat. Keindahan kata-kata yang terkandung dalam gurindam tersebut membawa erti tersirat yang perlu di rungkaikan sebagai pengajaran dan nilai yang mendidik kearah kebaikan. Gurindam Dua Belas tidak dapat lari dari ciri-ciri Puisi Melayu Tradisional yang sarat dengan unsur-unsur pembentukan jati diri dan amanat yang di perturunkan. Norma-norma kemelayuan berlandaskan syarak, terlihat dalam gurindam tersebut agar masyarakat khususnya remaja tidak melupakan asal-usul mereka sendiri, kerana di dalam Puisi Tradisional ini merupakan gambaran masyarakat pada ketika itu. Dalam konteks kemajuan masyarakat di kala ini, kesusasteraan itu sendiri di lihat masih relevan dalam menanam nilai-nilai positif menjadikan manusia itu berakal dan berjiwa, kerana integriti dapat menahan seseorang itu dari terjerumus ke lembah kehinaan.





Dalam Gurindam Dua Belas jelas memperlihatkan faktor yang menjaskankan integriti, yang di lihat dari sudut individu itu sendiri melalui fasal satu hingga tiga. Kelemahan individu, kurang pendidikan dan penghayatan nilai-nilai murni, etika kerja yang lemah, sikap tamak. Begitu juga dari segi kepimpinan yang di tonjolkan iaitu kurang berteladan dan lemah iltizam. Budaya masyarakat yang kurang menitik beratkan integriti juga dibongkar melalui Gurindam Dua Belas. Amalan integriti ini tidak boleh bercambah dengan hanya membiarkan keadaan yang sedia ada agar budaya kita tidak hilang mutu dan keindahan sosialnya.

Nilai pengajaran yang terdapat dalam Gurindam Dua Belas mencakupi segala urusan kehidupan yang harus diteladani oleh masyarakat. Secara tidak langsung pendedahan gurindam yang sarat dengan amanat ini merupakan salah satu usaha agar, bukan sahaja warisan Puisi Melayu Tradisional ini tidak terkubur tanpa nisan kerana generasi akan datang tidak lagi mewarisi harta peninggalan nenek moyang yang tidak ternilai ini tetapi signifikennya terhadap budaya, masyarakat dan komuniti. Nilai-nilai murni yang dipenuhi dengan integriti ini melahirkan masyarakat berfikiran luas, terbuka serta bertanggung jawab terhadap persekitaran dan kehidupan sehari-hari mereka.

Melalui gurindam ini pengkaji merasakan dapat mempengaruhi pemikiran masyarakat tentang betapa kita juga mempunyai khazanah yang amat berharga dengan nilai-nilai keagamaan, kesopanan, berbudaya dan adat istiadat kerana pelajar kini amat terdedah dengan anasir-anasir yang merosakkan minda dan pemikiran mereka melalui pengaruh semasa, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kesusastraan Melayu.





'Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani dan emosi, mengukuh jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing kearah pemikiran insan bestari'.

(Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu, 2003:V)

Punca kemerosotan integriti harus di kenal pasti melalui penilaian yang di kaji melalui Gurindam Dua Belas yang menyebabkan kemerosotan integriti dalam sesebuah masyarakat yang lebih mempengaruhi kehidupan seseorang adalah sikap individu dalam masyarakat itu sendiri. Jika individu itu sendiri menjadi seorang yang baik dan berperibadi unggul, akan dilakukan perkara tersebut atas dasar keinginan individu itu sendiri atau intergriti yang ada dalam diri individu itu sendiri. Tanpa kewarasan menggunakan akal fikiran dengan mengikut hawa nafsu tanpa pertimbangan akal fikiran, sudah semestinya perlakuan tidak berintegriti akan wujud seterusnya mewarnai keseluruhan masyarakat. Integriti dapat di kaitkan dengan asas keagamaan yang tidak kukuh serta jati diri yang teguh. Kupasan Gurindam Dua Belas banyak memberi peringatan tentang kekuatan asas agama dapat memberi bimbingan dan pedoman dalam masyarakat.

Kepimpinan dalam sesebuah masyarakat mencerminkan keteguhan integriti seseorang pemimpin yang akan menjadi ikutan atau pengaruh kepada masyarakat yang di pimpinnya dalam mengawal komunitinya. Apabila pemimpin tidak berintegriti akan mempengaruhi mereka yang di bawah seliaanya menjadikan masyarakat pincang dan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

tidak teratur. Sekiranya tiada kesedaran dan kesungguhan untuk memperbaiki integriti dalam kepimpinan, menjadi lebih sukar untuk membentras apa yang telah terjadi akibat, integriti tidak menjadi tunjang dalam segala hal dalam menangani segala hal. Apabila perlakuan tidak berintegriti menjadi amalan, akhirnya akan menjadi satu bentuk budaya yang sukar dikikis daripada masyarakat dan akan menjadi warisan turun temurun.

Tanpa pengisian rohani dengan membiarkan kekontangan jiwa yang kosong mengakibat perlakuan tidak berintegriti berlaku dalam masyarakat. Pendedahan kepada unsur-unsur tidak baik dalam kehidupan sehari-hari akibat dari kemodenan dan persekitaran teknologi terkini dan cabaran semasa, membawa kelalaian kepada masyarakat itu sendiri. Pengurusan integriti yang berkesan yang dipaparkan dalam Gurindam Dua Belas dapat menangani atau sebagai satu panduan kepada masyarakat bagi menyelesaikan kemelut yang melanda dalam kehidupan kini.

Tanpa integriti pastinya masyarakat akan menerima musibah secara langsung atau tidak langsung akibat daripada tindak tanduk mereka yang tidak berintegriti. Kesan daripada gejala ini bukan saja ditanggung oleh individu telibat namun akhirnya ia turut di deritai oleh seluruh anggota masyarakat. Oleh itu integriti amat perlu dijaga dan di suburkan dalam kehidupan masyarakat. Bersesuaian dengan sabda Rasulullah s.a.w memperingatkan, “tidak beriman orang yang tiada amanah dan tidak beragama orang yang tidak berakal”.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Kesimpulan objektif kajian mendasari kajian ini adalah,

- i. Mengenal pasti nilai integriti dalam masyarakat Melayu berlandaskan syarak yang telah diketengahkan menjadi saluran mendidik.
- ii. Melihat unsur-unsur pembentukan nilai integriti jati diri melalui amanat yang di perturunkan serta kerelevanan kesusasteraan dalam konteks kemajuan masa kini.
- iii. Memperlihatkan faktor yang menjelaskan integriti dalam masyarakat Melayu dalam soal kehidupan dan kepimpinan.
- iv. Menjelaskan pengisian rohani, emosi, jasmani dan intelektual dalam keperluan berlandaskan syariat melalui Gurindam Dua Belas.



1.5 Kaedah Kajian

Kajian terhadap karya agung Raja Ali Haji seorang ulama tersohor ini terpilih berasaskan kesesuaian pengurusan intergriti yang terkandung didalamnya dapat dijadikan iktibar dan bersesuaian dengan masa kini. Kaedah kajian yang dilakukan mempunyai peranan dalam mengenal pasti nilai pengajaran yang terkandung dalam Gurindam Dua Belas . Aspek ini menjadi teras dalam menjalankan sebuah kajian atau penyelidikan yang merujuk kepada bagaimana kita mendapatkan maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat. Pengkaji menggunakan cara yang paling berkesan bagi mendapat maklumat yang berguna dengan kos yang minimum (Mohd Majid Konting, 1990 : 86-87).





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kaedah kajian yang diberi penekanan oleh pengkaji lebih bertumpukan kepada buku rujukan berbentuk ilmiah, rujukan perpustakaan, sumber-sumber internet dan pengkaji sendiri menganalisis nilai pengajaran yang wujud daripada pembacaan Puisi Melayu Tradisional. Selain itu pengkaji juga ke perpustakaan untuk memahami konsep nilai integriti dengan mentelaah buku rujukan buat pemulaan. Tanpa memahami tentang konsep nilai integriti, amat sukar untuk pengkaji membuat analisis nilai integriti dalam Gurindam Dua Belas disamping pengumpulan bahan-bahan kajian yang berkait dengan kajian.

Kajian perpustakaan telah dibuat di beberapa perpustakaan antaranya Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Pusat Pendokumentasian Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negeri Sembilan, Perpustakaan Daerah Kuala Pilah dan Perpustakaan Negara Kuala Lumpur. Kaedah kepustakaan dibuat dengan tujuan untuk mendapatkan bahan yang berkaitan dengan kajian yang dibuat. Bahan kajian yang di maksudkan untuk tujuan tersebut diperolehi dengan membuat rujukan terhadap pelbagai buku, jurnal, kertas kerja, majalah, surat khabar, penulisan ilmiah dan tesis. Hasil dapatan dan maklumat yang diperolehi akan dimanfaatkan bagi tujuan penyelidikan ini.

Pendekatan tekstual mengkaji keseluruhan unsur- unsur dalaman karya tersebut untuk melihat kekuatan dalam karya tersebut supaya dapat dimanfaat sepenuhnya untuk meneliti nilai-nilai integriti yang sarat dalam kehidupan, dapat dijadikan kayu pengukur dalam kehidupan hari ini. Selain itu melihat peranan estetika dalam Gurindam Dua Belas



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

tentang pangamatan penulis menjadikan ilmu tentang keindahan dalam seni dan kehidupan seharian. Ianya berhubung dengan keadaan dan persesuaian dengan hukum dengan memberikan penekanan terhadap konsep-konsep yang di anggap indah tentang ilmu dan prinsip akhlak dan moral.

Ini selaras dengan kehendak menjadikan sebuah masyarakat dan warganegara yang berintegriti mengikut rukun negara, mencapai perpaduan, mencapai satu corak hidup yang berintegriti, menjadikan masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama, menjamin kebudayaan yang kaya dengan integriti kearah yang lebih harmonis dan dinamis. Di atas nilai kesopanan dan kesusilaan dapat meneguh peribadi dan menegakkan jati diri bangsa Melayu melalui nilai integriti.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.6 Bidang Kajian

Bidang kajian yang diberikan penumpuan oleh pengkaji adalah untuk melihat nilai integriti yang terdapat dalam Gurindam Dua Belas dapat dijadikan pedoman, teladan dan nasihat dalam kehidupan seharian masyarakat khususnya pelajar melalui pembacaan dan penghayatan. Pepatah Melayu ada mengatakan ‘melentur buluh biar dari rebungnya’. Nilai pengajaran dan nilai integriti merangkumi pembentukan nilai-nilai positif dan murni dalam diri yang dapat dibentuk serta dipupuk di dalam diri. Pengkajian ini juga merupakan serampang dua mata di samping mengembalikan kehebatan Puisi Melayu Tradisional agar mendapat tempat dari terus terpinggir dan segala amanat yang sarat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

15
ptbupsi



didalamnya dapat dirungkai menjadi ikutan terutama dalam soal integriti yang telah lama diterapkan.

Pengkaji berusaha mengenal pasti sejauhmana penghayatan melalui pembacaan Gurindam Dua Belas dapat menyelit nilai pengajaran integriti melalui bahasa yang tersusun indah yang mempunyai daya tarikan sendiri yang mampu menarik pembaca. Pengurusan integriti dalam kehidupan seharian yang di tonjolkan dalam Gurindam Dua Belas banyak memberi kesedaran kepada apa yang berlaku pada hari ini. Contoh-contoh yang diberi melalui puisi tersebut cukup relevan yang memberi kesan yang mendalam kepada pembaca. Pengkaji juga mengharapkan melalui Gurindam Dua Belas ini mampu menarik minat golongan remaja untuk berhibur dan terasa terhibur sambil memperolehi pengajaran di sebalik hiburan yang di paparkan. Nilai estetik keindahan bait-bait pemilihan ayat merupakan, penghargaan terhadap keindahan yang amat menawan dapat menarik pelajar untuk terus menghayati Puisi Melayu Tradisional. ini.

Kajian ini juga dibuat untuk melihat penggunaan genre kesusasteraan khususnya Puisi Melayu Tradisional mengandungi nilai-nilai integriti dalam membentuk akhlak dan peribadi remaja yang positif bersesuaian dalam menangani pelbagai isu moral yang melibatkan remaja. Kajian ini bertepatan dengan kandungan Gurindam Dua Belas yang bersifat meluas mencakupi individu, masyarakat, budaya, organisasi dan komuniti. Pengkaji juga tidak ketinggalan memasukkan perkara-perkara lain seperti pengenalan Puisi Melayu Tradisional malah memberi penilaian yang melibatkan pandangan dan saranan turut diambil perhatian oleh pengkaji untuk melengkap kajian. Secara tidak





langsung remaja dan masyarakat dapat memahami maksud tersirat, yang terdapat dalam sesebuah Puisi Melayu Tradisional terutamanya yang berkaitan dengan amalan atau perbuatan yang mulia seperti hormat menghormati, kasih sayang, keikhlasan, kejujuran dan nilai-nilai kebaikan. Etika dalam gurindam tersebut adalah prinsip moral atau tingkah laku yang menjadi pegangan sesuatu masyarakat dan individu. Pembentukan sahsiah diri serta jati diri juga terjelma melalui nilai integriti yang diperingatkan melalui Gurindam Dua Belas ini.

Bidang kajian juga menjurus kearah langkah-langkah mengatasi kemelut masalah integriti dapat diatasi melalui nilai integriti yang terpancar melalui Gurindam Dua Belas, dapat di atasi sekiranya kekosongan rohani dapat diisi dengan keimanan selari dengan nilai-nilai integriti. Bersyukur dengan nikmat yang dikecapi adalah pendorong semulajadi kepada integriti sentiasa memuliakan orang lain. Kesedaran ini akan menjadikan masyarakat sentiasa hormat menghormati, tolong menolong, sayang menyayangi dan dapat merapatkan hubungan persaudaraan. Sifat negatif yang bertentangan dengan apa yang dikatakan tadi dapat diatasi dengan ikhlas melakukan sesuatu perkara lahir dari hati yang suci dan jujur, tidak menipu atau berpura-pura bertepatan dengan integriti dalam diri.

Integriti bukan sahaja daripada perlakuan lahiriah yang dapat dilihat oleh mata kasar sahaja malah sebaliknya berfokus juga kepada perkara-perkara batiniah seperti hati dan perasaan. Segala tingkahlaku adalah berdasarkan kepada niat dan kehendak yang di putuskan berdasarkan akal fikiran dan keinginan. Pengurusan integriti dalam diri dalam keadaan waras dan sedar masyarakat lebih bertanggungjawab terhadap tingkah laku serta





tutur katanya. Sudut pandangan agama turut menjelaskan melakukan perbuatan tidak bermoral oleh golongan yang tidak berintegriti juga akan mendapat pembalasan di akhirat kelak bagi memberi peringatan kepada mereka yang lalai seperti yang terdapat dalam Gurindam Dua Belas.

1.7 Kajian Lepas

Pengajaran dalam Gurindam Dua Belas, sering dibuat kajian dari kepelbagaiannya seperti estetika, bentuk, susunan kata dan seumpamanya. Namun kupasan tentang nilai integriti yang tersirat dan diselitkan disebalik sebuah gurindam belum dapat di tafsir dalam konteks tertentu. Contohnya nilai pengajaran dan nilai integriti yang tersemat dalam Gurindam Dua Belas tidak terus dibongkar di sebalik susunan kata dalam gurindam tersebut. Menularnya rasuah, ketidakcekapan, penyelewengan, salahguna kuasa, penipuan, dan perlakuan tidak beretika yang lain serta berkanggungnya semangat kerja yang berlaku dan cuba ditangani adalah berpunca kemerosotan integriti individu, budaya, masyarakat dan sesebuah organisasi.

Mencari makna di sebalik makna, merupakan satu kajian yang memerlukan penelitian yang mendalam secara terperinci yang khusus terhadap gurindam tersebut. Kajian-kajian sebelum ini banyak menjurus kepada bentuk pemahaman yang terdapat dalam Gurindam Dua Belas tersebut, tanpa mengambil kira kesan yang positif melalui penghasilan puisi tersebut. Sudah semestinya Gurindam Dua Belas ini kaya dengan khazanah yang perlu dibongkar dan dikaji secara berterusan kerana menjadi lubuk ilmu yang mengajar serta mendidik masyarakat kearah berintegriti.





Kajian-kajian lepas juga dapat dijadikan panduan dan pedoman dalam memantapkan lagi kajian yang seterusnya yang pastinya tidak akan berakhir kerana dipercayai semakin banyak kajian yang dilakukan, lebih banyak membongkar sesuatu yang tersirat disebalik puisi ini. Nilai pengajaran disebalik kata-kata hanya dapat ditafsir melalui kajian yang dilakukan. Kajian yang menjurus kepada pendidikan memudahkan lagi kefahaman bagi mereka mengenali pengarang itu sendiri yang banyak mendidik melalui Puisi Melayu Tradisional. Nilai integriti sebegini amat bertepatan dengan kehendak semasa dan bersesuaian di setiap zaman biarpun Puisi Melayu Tradisional tersebut telah berkurun lama dihasilkan oleh pengarangnya.



1.7.1 Kajian Lepas Peringkat Doktor Falsafah

Kajian-kajian yang yang telah dilakukan berkaitan dengan Puisi Melayu banyak dilakukan dari kepelbagai sudut, yang dilihat mencerna sifat dan nilai murni yang terkandung. Hakikatnya yang menjurus kepada Gurindam Dua Belas yang sarat dengan nilai integriti belum lagi dicungkil sebagai satu pedoman yang telah wujud dalam masyarakat Melayu.

Namun dilihat daripada keseluruhan Puisi Melayu Tradisional secara keseluruhan antara sarjana yang membuat kajian yang menyentuh nilai masyarakat Melayu ialah Mohd Rosli Saludin dalam tesisnya yang berjudul *Teromba Sebagai Alat Komunikasi Dalam Kepimpinan Adat Pepatih* jelas membayang peranan integriti yang harus dijadikan





pedoman dalam kehidupan. Tesis yang dihasilkan di Universiti Malaya pada tahun 2004. dalam kajian ini memperjelaskan lagi aspek kemauafakan dalam masyarakat yang mempengaruhi sistem kepimpinan khususnya di Negeri Sembilan.

Beliau turut memperjelaskan dalam kajiannya teromba salah satu Puisi Melayu Tradisional sebagai alat komunikasi dalam kepimpinan Adat Pepatih mempamerkan peranan dan ciri-ciri pemimpin yang baik. Pelaksanaan teromba dalam kepimpinan Adat Pepatih mengikut hieraki kepimpinan juga diperjelaskan dalam kajian beliau ini. Hal ini bertepatan dengan konsep integriti yang harus ada pada pemimpin seperti yang terkandung dalam Gurindam Dua Belas yang dikaji.



1.7.2 Peringkat Sarjana dan Ijazah Sarjana

Berdasarkan kepada beberapa kajian yang dilakukan pada peringkat ini, pengkaji melihat dari sudut pemikiran yang di sampaikan menerusi Puisi Melayu Tradisional. Penyelidikan yang dilakukan oleh Soleha Musor dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu*, Sarjana Pendidikan Jabatan Kesusastraan Melayu, Fakulti Bahasa UPSI (2006). Pengkaji melihat nilai-nilai murni yang terdapat dalam Peribahasa Melayu yang banyak memberi pengajaran dan mendidik masyarakat Melayu dengan penuh kesantunan. Nilai-nilai murni yang terdapat dalam peribahasa tersebut amat bertepatan dengan konsep integriti yang terkandung dalam Gurindam Dua Belas sebagai sebuah Puisi Melayu Tradisional.





Pengkajian tentang *Pendekatan Konstruktisme Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Daripada Perspektif Guru*, latihan ilmiah, UPM, Zulkifli Abu Zarin menjelaskan konstruktisme sebagai pengalaman lalu ditambah pengetahuan baru yang membentuk pengalaman yang lain. Pengajaran yang disampaikan melalui Puisi Melayu menjadi guru atau panduan yang mendidik, menerusi pengalaman yang disampaikan oleh penulis berdasarkan kepada pemikiran dan pengalaman yang telah dilalui. Unsur didikan seharusnya berintegriti melaksanakan amanah kepada masyarakat Melayu membentuk masyarakat yang berhemah dan bersahsiah tinggi dalam kehidupan.

1.7.3 Buku Ilmiah, Esei dan lain-lain

Menerusi buku berjudul *Mantera Melayu Analisis Pemikiran* (2001) tulisan Haron Daud jelas memperlihatkan peranan Puisi Melayu dalam menyampaikan sesuatu yang dapat menarik minat masyarakat Melayu. Walaupun mantera seringkali dikaitkan dengan dunia perubatan tetapi sebenarnya keindahan bait-bait ayat mempunyai unsur yang tersirat. Unsur-unsur keindahan bait-bait ayat merupakan kekuatan dalam puisi Melayu dalam menyampaikan sesuatu.

Kepimpinan yang menjadi tunggak dalam sesebuah institusi masyarakat dikupas oleh Tenas Effendi dalam buku berjudul *Pemimpin Dalam Ungkapan Melayu* terbitan DBP (2007). Berpandukan kepada ungkapan Melayu Tenas Effendi telah berjaya memperjelaskan tentang kepimpinan berkualiti agar menjadi ikutan masyarakat yang dipimpin. Ungkapan Melayu yang diutarakannya memperlihatkan betapa perlunya





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

peranan yang dimainkan oleh pemimpin dalam membentuk masyarakat Melayu yang harmoni dengan nilai-nilai budaya Melayu yang telah diterapkan oleh generasi terdahulu.

Manakala Hashim Bin Musa menulis tentang *Belajar Bahasa Melayu Untuk Mengungkap Ilmu Yang Benar dan Beradab Sopan Warisan Raja Ali Haji*, dalam Jurnal Pengajian Melayu Jld 1996, Akademi Pengajian Melayu (1996) Universiti Malaya memperkatakan keindahan bahasa punyai peranan dalam mengketengahkan integriti dalam masyarakat. Ungkapan sopan yang dimaksudkan ialah pendekatan mendidik dengan nilai-nilai murni yang penuh berestetika. Nilai-nilai keindahan bahasa banyak mempengaruhi jiwa sebagai satu teguran dan pengajaran, mengajak kearah kebaikan mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh agama.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.8 Kesimpulan

Hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh sarjana banyak memberi gambaran tentang keseluruhan aspek keindahan Puisi Melayu dalam masyarakat Melayu sahaja. Penekanan terhadap Gurindam Dua Belas yang berkaitan dengan soal integriti tiada pengkajian dilakukan secara ilmiah. Kajian ini diharap akan dapat mengisi segala kekosongan yang ada kaitan dengan soal integriti. Pengkajian tentang integriti dalam Gurindam Dua Belas perlu diterjemahkan secara jelas kerana telah banyak diguna pakai oleh masyarakat Melayu secara tidak langsung.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Penekanan yang tanpa kita sedari telah lama dijadikan pedoman namun tidak dapat diterjemah dalam kehidupan masyarakat Melayu. Pendedahan melalui pengkajian adalah harapan untuk melihat sebenarnya peranan Gurindam Dua Belas dalam kehidupan masyarakat Melayu. Penilaian tentang nilai-nilai integriti sebenarnya telah diungkap dalam bahasa simbolik yang melambang betapa halus dan seninya jiwa masyarakat Melayu dalam membentuk kehidupan sempurna di dunia dan akhirat. Seharusnya nilai-nilai murni yang dijadikan garis panduan diikuti dan menjadi kebanggaan masyarakat Melayu yang penuh dengan adab-adab kesopanan dan kesusilaan yang menjadi tonggak kelima Rukun Negara.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



23 ptbupsi